



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENJENAMAAN SEMULA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DENGAN AKRONIM “KESUMA”

PUTRAJAYA, 3 MAC 2024 – Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2024 mengambil maklum dan bersetuju tentang penjenamaan semula Kementerian Sumber Manusia dengan singkatan “**KESUMA**”.

KESUMA dipetik daripada suku kata awal frasa setiap perkataan Kementerian Sumber Manusia [KE.SU.MA]. KESUMA juga merupakan perkataan lama dalam Bahasa Melayu yang bererti ‘bunga’. Keindahan maksud bahasa ini bersesuaian dengan misi strategik 3K Kementerian, yakni memperkasakan **Kebajikan**, **Kemahiran**, dan **Keberhasilan** pekerja.

Dalam dua bulan ini, selaras dengan misi strategik 3K, KESUMA telah memperkukuhkan kerjasama dengan kesatuan sekerja, melaksanakan pembaharuan ke atas institusi Mahkamah Perusahaan Malaysia, tegas memberi penekanan terhadap hak gaji pekerja, meluaskan liputan skim keselamatan sosial, mempertingkatkan kualiti latihan kemahiran, dan paling penting sekali, melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan tata kelola di kesemua jabatan dan agensi kementerian.

Sehubungan itu, mulai 4 Mac 2024, **nama Kementerian Sumber Manusia dengan singkatan (KESUMA)** akan digunakan secara rasmi ke atas segala urusan berkaitan dengan Kementerian ini.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
3 MAC 2024